

MBSA kompaun pemilik kenderaan ingkar

■ NORSHAHZURA MAT ZUKI

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) akan mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak terlibat untuk menyelesaikan

pelbagai masalah yang berlaku di kawasan Uptown Shah Alam, Seksyen 24, untuk memberikan keselesaan kepada penduduk sekitar.

Pegawai Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, pihaknya akan mengadakan perbincangan dalam masa terdekat bersama penduduk sekitar dan pengurusan Dataran Usahawan Selangor bagi menyelesaikan masalah yang berlaku untuk memberikan keuntungan dan keselesaan kepada semua pihak.

Menurut Shahrin, MBSA telah menerima beberapa aduan mengenai masalah yang berlaku di kawasan sekitar antaranya ialah sikap pengunjung dan peniaga UpTown Shah Alam yang meletakkan kenderaan mereka di kawasan perumahan Taman Ayusutra sehingga menyusahkan penduduk untuk keluar masuk ke kediaman mereka.

"Antara masalah lain ialah kebersihan di kawasan sekitar

Pintu masuk timbulkan kontroversi



Pintu masuk yang dibuka oleh pihak pengurusan bagi menghubungkan Uptown Shah Alam dan kawasan perumahan Taman Ayusutra telah menimbulkan pelbagai masalah kepada penduduk sekitar.

■ NORSHAHZURA MAT ZUKI

Taman Ayusutra dengan bazar larut malam itu serta operasi tidak mengikut waktu yang ditetapkan menimbulkan pelbagai masalah kepada penduduk sekitar. Segelintir penduduk tidak berpuas hati dengan tindak

an pihak pengurusan terbahit untuk mengaut keuntungan dan menyebabkan pelbagai masalah kepada mereka seperti pengunjung dan peniaga mengambil jalan mudah untuk meletakkan kenderaan di kawasan rumah mereka dan sesuka hati mengalihkan objek-objek yang

terletak kira-kira 10 meter dari kawasan perniagaan terbahit.

Seorang penduduk yang mahu dikenali sebagai Lufi berkata, tindakan pengunjung dan peniaga meletakkan kenderaan sesuka hati terutamanya di hadapan pintu pagar rumah penduduk menunjukkan pihak terbahit tidak menghormati orang lain dan menyusahkan mereka yang ingin keluar serta masuk.

"Keadaan ini juga menyebabkan penduduk tidak boleh mengadakan kenduri atau jamuan kerana kekurangan ruang untuk mendirikan khemah.

"Seetengah pengunjung dan peniaga dari Uptown Shah Alam ini bersikap tidak peduli terhadap penduduk yang melarang meletakkan kenderaan di kawasan rumah mereka dan sesuka hati mengalihkan objek-objek yang

diletakkan untuk menghalang kenderaan walaupun di hadapan pagar rumah sendiri," katanya.

Menurutnya, terdapat segelintir penduduk terpaksa menerima akibat apabila menegur sikap pengunjung dan peniaga dengan merosakkan kenderaan atau barang hak milik mereka seperti memecahkan cermin kereta dan memusnahkan tanaman yang ditanam di pagar dan lebih malang lagi mereka juga bertindak membuang air kecil di hadapan rumah bagi menunjukkan landa protes.

"Keadaan ini menunjukkan sikap mereka yang tidak menghormati kesan dari pada jalan mudah yang diambil oleh pihak pengurusan untuk mendapat keuntungan tanpa memikirkan keselesaan orang lain," katanya.

Sementara itu seorang lagi penduduk yang mahu dikenali sebagai Zamri berkata, tindak-

an pengunjung dan peniaga yang meletakkan kenderaan di kawasan mereka di kawasan pagar lalu lintas terutamanya hujung minggu dan rayuannya.

"Keadaan ini menyulitkan penduduk dengan bunyi kenderaan dan membina penduduk sekitar keceemasan seperti kenderaan dan sebagainya.

"Perkara ini halalkan dan pihak yang bertanggungjawab perlu ambil langkah yang sewajarnya untuk mengatasi masalah dengan meniadakan ruang parkir yang tidak selamat," katanya.

Menurutnya, pihak bertanggungjawab juga membina tembok yang menghalau misahikan perumahan berkenaan Uptown Shah Alam.

mantauan berterusan di kawasan berkenaan untuk memastikan masalah yang ditimbulkan dapat diatasi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar Sinar Harian mengenai masalah yang berlaku di kawasan Uptown Shah Alam telah mengganggu ketenteraman persekitaran penduduk.

Menurutnya, pihaknya akan mengadakan perbincangan bersama dengan pihak-pihak yang terlibat secepat mungkin untuk menyelesaikan masalah yang berlaku di kawasan itu.

Dalam laporan itu, penduduk tidak berpuas hati dengan pihak pengurusan Uptown Shah Alam, Dataran Usahawan Selangor kerana telah membuka pintu alternatif menyebabkan pelbagai masalah timbul antaranya ialah masalah meletakkan kenderaan dan bunyi bising yang mengganggu penduduk serta masalah kebersihan.

Laporan Sinar Harian, 6 Januari lalu berhubung masalah yang dihadapi penduduk sekitar kesan daripada pembukaan pintu masuk alternatif ke Uptown Shah Alam.

kurang memuaskan kerana selepas waktu operasi Uptown Shah Alam, didapati banyak sampah bertaburan di kawasan sekitar dan ini mencemarkan imej kawasan itu," katanya.

Shahrin berkata, tindakan awal untuk menyelesaikan masalah itu, MBSA telah mengeluarkan kompaun kepada pemilik kenderaan yang meletakkan kenderaan mereka di

kawasan perumahan Taman Ayusutra sehingga menyusahkan penduduk untuk keluar masuk ke kediaman mereka.

"Dalam pada masa yang sama kita akan mengadakan pe-

fakta

Tindakan awal untuk menyelesaikan masalah itu, MBSA telah mengeluarkan kompaun kepada pemilik kenderaan yang meletakkan kenderaan mereka di kawasan perumahan Taman Ayusutra sehingga menyusahkan penduduk untuk keluar masuk ke kediaman mereka.